

Kritikan Sosial Dalam *Embargo*: Satu Penelitian Satira

Social Criticism In *Embargo*: An Analysis By Satirical Approach

Nurshazeera Binti Khazri
Che Abdullah Che Ya

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence : Nurshazeera Binti Khazri (shazeerak87@gmail.com)
Che Abdullah Che Ya, (M.B.A)(cheabd@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Novel Embargo karya Zahari Affandi antara lain melontarkan kritikan kepada masyarakat daripada pelbagai sudut kehidupan. Penelitian ini melihat kritikan-kritikan pengarang tersebut. Analisis kajian telah menggunakan pendekatan satira. Satira membawa maksud kritikan, kejian, cacian, kiasan, ironi, sarcasm, tempelakan dan sindiran. Kritikan yang terdapat dalam *Embargo* ialah kritikan mengenai sosio-politik dan sosio-budaya. Antara kritikan yang terdapat dalam isu sosio-politik ialah pemimpin tidak amanah, mengambil rasuah, tidak berfikiran jauh, rendah moral, ambil kesempatan dan tidak adil telah ditujukan kepada pemimpin. Masyarakat pula telah disindir melalui pertentangan ideologi, orang suruhan politik, bermuka-muka, tidak berani bersuara, Akta Hasutan 1948 dan akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pemerintah juga telah disindir oleh pengarang melalui pemerintah yang tidak efisien dan dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam semua sektor. Kritikan sosio-budaya ialah sindiran kepada masyarakat mengenai masyarakat yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas, tidak mengetahui sejarah negara, tiada semangat keberanian, penyebaran fitnah yang berleluasa, keruntuhan akhlak masyarakat, tidak menghargai bahasa dan karya sastera sendiri, masyarakat yang rendah moral, budaya kerja dan masyarakat yang mudah meniru pengaruh luar. Golongan ulama juga disindir oleh pengarang mengenai penyelewengan ilmu agama dan menggunakan Islam untuk menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan agama. Hasil penelitian mendapati bahawa novel *Embargo* merupakan sindiran kritikan sosial masyarakat yang dilihat daripada perspektif satira. Jelas dapat dilihat bahawa karya ini banyak melontarkan kritikan melalui lambang-lambang dan penggunaan bahasa.

Kata Kunci: Satira, Masyarakat, Kritikan sosial, Pemimpin, Politik

ABSTRACT

Embargo novel written by Zahari Affandi is criticizing the society from various aspects of life. The research looked at the author's criticisms. The analysis will use satirical approach. The meaning of satire are criticism, insults, metaphor, irony, sarcasm and rebuke. The criticism contained in the *Embargo* is criticism about the socio-political and socio-cultural. Among the criticisms contained in the socio-political issue are untrustworthy leaders that take bribes, not thoughtful, low morale, take advantage and unfair. Society also is criticized through the ideological conflict, political followers, specious, not dare to speak up, the Sedition Act 1948 and the Internal Security Act (ISA). The leaders in the government is insulted by the author through the government inefficient work rate and excessive usage of English language in all sectors. Besides that, critics on socio-cultural are for people in the society who do not have widespread of knowledge, not knowing the history of the country, no courage, spreading slander

widespread, moral collapse of the society, do not appreciate the language and literature of its own culture, lack of moral value, work ethic and society which tend to follow foreign influences. "Ulama" group are criticized by the author for abuse of religion and using Islam to spread the conflict within religion. The result obtained after doing study and research of Embargo novel is that society critics based on satire perspective. This can be seen clearly in this novel where critics are thrown by using symbols and language usage.

Key words: *Satire, Society, Social Critism, Leaders, Political.*

1. Pengenalan

Novel menjadi medan bagi pengarang untuk mencurahkan segala pengalaman dan pemikiran kreatif. Pengarang menyampaikan ketidakpuasan hati, melontarkan idea dan meluahkan perasaan terhadap sesuatu isu kepada pembaca dalam penulisannya. Pengarang mempunyai pelbagai cara untuk menyampaikan mesej terhadap pembaca dan salah satunya dengan menggunakan pendekatan satira iaitu sindiran secara tidak langsung dalam karyanya.

Satira pula merupakan sebuah pendekatan yang digunakan dalam medium penulisan untuk mengkritik, menyindir, mencela, mengejek individu yang melakukan perkara yang tidak sepatutnya, memalukan diri, membodohkan diri dan sebagainya. Satira juga seringkali dikenali sebagai istilah "kiasan" ataupun percakapan secara tidak langsung yang ingin ditujukan kepada sesuatu pihak. Satira juga dilihat sebagai wadah, medium, alat, bentuk dan sumber yang membina idealogi yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca supaya perkara yang diperkatakan itu tidak akan dilakukan lagi oleh masyarakat sebaliknya dijadikan sebagai iktibar. Idealogi, pemikiran mahupun gagasan diangkat oleh pengarang adalah untuk mengkritik perlakuan negatif yang berkait rapat dengan masyarakat iaitu mengenai isu politik, sosial mahupun ekonomi yang berkisarkan situasi semasa (Fatimah Busu, 1992: 5). Novel *Embargo* pula dilihat telah memaparkan unsur-unsur satira yang telah disusun kemas oleh pengarang.

Embargo merupakan karya yang ditulis oleh Zahari Affandi ataupun nama sebenar beliau ialah Asari Ismail. Dalam bidang penulisan beliau mempunyai beberapa nama pena seperti Nazir Usman dan Zahari Affandi. Beliau dilahirkan pada 17 Oktober 1947 di Kampung Baru Pahi, Kuala Krai, Kelantan Darul Naim. Tamat dan lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia telah memberikan beliau peluang untuk mengikuti Kursus Penulisan Kreatif selama setahun di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1978 hingga 1979. Sejak tahun 1981 hingga tahun 1983, beliau mengikuti Kursus Kewartawanan dan Book Publishing di Universiti Boston, Amerika Syarikat. Pembelajaran di sana secara tidak langsung mempengaruhi kreativiti Zahari Affandi dalam bidang penulisannya hingga kini. Sebelum menjadi penulis tetap, Zahari Affandi pernah bekerja sebagai seorang wartawan. Beliau dilihat mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam kerjaya tersebut. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Penolong Pengarang akhbar *Mingguan Malaysia*, Ketua Pengarang Harian Nasional, *managing editor* akhbar *Mingguan Islam* dan Ketua Pengarang *Watan*. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai wartawan di *Utusan Melayu*, pengelola *Ruangan Sastera* di *Mingguan Malaysia* dan majalah *URTV* sebelum meninggalkan *Utusan Melayu* pada tahun 1982. Zahari Affandi turut membuka syarikat penerbitannya sendiri iaitu *Prodescom Sdn Bhd* dan kemudiannya *Citra Publishing Sdn Bhd*. Syarikat percetakan yang dibuka oleh beliau adalah mengurus kerja pracetak bahan penerbitan untuk *Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)* dan *Kementerian Pelajaran Malaysia*.

Dalam bidang penulisan, Zahari Affandi telah menghasilkan pelbagai genre penulisan seperti cerpen, puisi dan drama radio. Zahari Affandi lebih cenderung menulis karya genre novel dan cerpen. Hal ini demikian dapat dilihat melalui penulisan novel dan cerpen yang lebih

dominan sehingga mencecah 340 buah novel sepanjang tahun 1970-an sehingga kini. Cerpen yang dihasilkan olehnya juga dilihatkan terlalu banyak dan melebihi angka daripada penghasilan novel kerana dilihatkan cerpen yang tidak terkira. Zahari Affandi mula mengarang pada tahun 1970 dengan karya genre cerpen yang bertajuk “Pancing Tembaga”. Karya beliau telah disiarkan di akhbar *Utusan Zaman*. Pada tahun tersebut merupakan titik tolak Zahari berkecimpung dalam dunia penulisan sastera. Zahari Affandi adalah antara novelis 1970-an yang sangat aktif dan pernah menerbitkan 49 buah novel. Terdapat beberapa buah novel Zahari Affandi yang terkenal antaranya ialah "Bulan Merah di Tiga Kuala" (1976), "Kunang-Kunang" (1979), dan "Pelabuhan Yang Ditinggalkan" (1980). Novel-novelnya yang lain, “Diari Serorang Buta” (1977), “Titian” (1977), “Bila Langit Kian Mendung” (1979), “Keringkan Embun di Rumpun Ini” (1979), “Anakku Adalah Daun-daun Kering” (1980), “Bila Padi Menjadi Lalang” (1980) “Catatan Seorang Gadis” (1980), “Pesta Bunga-Bunga dan Rama-rama” (1980), “Si Burung Hijau Pun Lalu Terbanglah” (1980), “Kekosongan” (1981), “Rinduku Adalah Kemboja Berguguran” (1986). Walaupun Zahari Affandi telah menghasilkan banyak novel, namun kertas kerja ini berfokuskan mengenai karyanya yang bertajuk novel *Embargo*.

Novel *Embargo* telah diterbitkan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) dan terkandung sebanyak 396 halaman. Terdapat pemikiran ataupun gagasan besar yang hebat dan tersusun cantik oleh pengarang di dalam novel *Embargo* ini kepada pembaca. Novel ini memaparkan realiti kisah kehidupan sosial dan realiti sistem politik di negara ini pada masa kini. Yang Berhormat (YB) Datuk Alang Bahadur merupakan seorang YB yang begitu dedikasi dalam menjalankan tugas, amanah, bertanggungjawab, dihormati dan disegani oleh semua pihak di dalam masyarakat mahupun bidang politik. Walaupun usia YB telah meningkat ke 70-an dan tidak bertenaga kuat seperti zaman muda dahulu, YB masih bersemangat melakukan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan jawatannya sebagai seorang ahli politik. YB merasakan jika dia yang tidak melakukan sedemikian, siapa pula yang akan membela nasib rakyat di kawasannya itu. Sikap YB yang begitu teliti, amanah, cekap dan dedikasi sangat dikagumi oleh rakyat dan pekerja bawahannya. Namun begitu, terdapat juga beberapa konflik yang dihadapi YB dalam usaha melakukan kerja-kerjanya disebabkan oleh segelintir ahli politik yang bermain “kotor” dalam kerja dan segelintir anak muda remaja yang bermasalah dari aspek kehidupan sosial seharian mereka yang amat membimbangkan YB Alang Bahadur.

Jelaslah dapat dilihat bahawa unsur satira telah digambarkan oleh pengarang dalam novel *Embargo* ini dengan begitu jelas dan ketara. Terdapat pelbagai unsur satira yang telah dinyatakan oleh pengarang yang berkaitan dengan perkara isu politik dan sosial. Zahari Affandi berasa ketidakpuasan hati rakyat mengenai ketidakadilan segelintir pemimpin dan masalah kehidupan sosial dalam masyarakat yang semakin meruncing perlu dicegah daripada menjadi semakin parah melalui medium penulisan. Hal ini demikian kerana, seorang penulis dilihatkan mewakili suara rakyat bagi menyampaikan keprihatinan pengarang sendiri tetapi dengan cara yang tidak memperkatakan secara terang-terangan. Memperkatakan secara terang-terangan akan merisikokan diri pengarang itu sendiri kerana pengarang akan dituduh sebagai penghasut walaupun perkara yang diperkatakan oleh pengarang tersebut mempunyai fakta yang benar dan sah. Sehubungan itu, kajian ini cuba membincangkan mengenai unsur satira yang terdapat di dalam novel *Embargo* daripada aspek sosio-politik dan sosio-budaya kini.

2. Tinjauan Literatur

Penelitian kajian lepas mengenai novel *Embargo* dilihatkan masih terhad. Walau bagaimanapun, kajian lepas yang mengkaji dengan menggunakan pendekatan satira dilihat amat menggalakkan. Terdapat beberapa kajian lepas berdasarkan buku yang fokus membicarakan tentang pendekatan satira dan beberapa buah latihan ilmiah yang membuat kajian dengan menggunakan pendekatan satira.

Fatimah Busu (1992) telah membincangkan mengenai satira dalam bukunya *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden Kajian Perbandingan*. Fatimah Busu telah memilih karya kesusasteraan dari negara Afrika sebagai kajian perbandingan dengan karya tempatan. Hal ini demikian kerana karya tersebut dilihatkan sebagai karya kesusasteraan yang sedang membangun dan masih belum mencapai tahap kesusasteraan dunia seperti China, Jepun dan beberapa negara Asia yang lain. Beberapa penulis di Afrika Barat dan tempatan begitu berusaha menarik pembaca untuk membaca kerana berani mengeluarkan pendapat ataupun ideologi melalui kritikan, kecaman, menyindir kedudukan politik, moral dan sistem masyarakat.

S. Othman Kelantan (1997) turut membincangkan satira di dalam bukunya iaitu *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kajiannya itu mengisahkan perkembangan pemikiran satira Melayu yang dilihatkan berkembang pada tahun 1940-an. Didapati bahawa novel-novel Melayu pada ketika menggunakan tema dan permasalahan yang begitu semasa di dalam masyarakat misalnya isu politik, ekonomi dan masalah sosial dalam masyarakat. Penulis pada zaman itu dilihatkan menggunakan gambaran yang dilukiskan dengan imej dan lambang yang begitu memerlukan gambaran yang mendalam. Pemikiran yang digambarkan itu tersembunyi dan amat implisit sifatnya kerana disampaikan dalam pelbagai imej dan lambang yang disebut sebagai unsur satira.

Rosliza Che Husin (1996) telah menggunakan pendekatan satira untuk mengkaji “Satira dalam drama Melayu moden”. Drama-drama Melayu dahulu dilihatkan mengalami perkembangan dari zaman ke zaman. Perkembangan yang berlaku memperlihatkan terdapatnya unsur-unsur satira diterapkan dalam drama beraliran sejarah, absurd dan realisme di tanah air. Drama yang dikaji seperti *Si Bongkok Tanjung Puteri*, *Jebat*, *Tetamu di Bukit Kenny*, *Jebat dan Bukan Lalang Di Tiup Angin* dilihatkan bukan hiburan semata-mata tetapi mempunyai unsur satira yang ingin disampaikan secara tidak langsung kepada khalayak. Satira yang dipaparkan oleh pengarang drama tersebut dipaparkan melalui kreativiti pengarang dalam menyampaikan mesej serta kritikan kepada masyarakat supaya tidak ters hanyut tanpa arah tuju dalam kehidupan mereka.

Goh Lee Ping (2000) telah menggunakan unsur satira dalam kajian latihan ilmiahnya yang berjudul “Unsur-unsur satira dalam novel *Sutan Baginda*”. Satira telah digambarkan oleh pengarang melalui sistem politik kerajaan yang dilihatkan berpecah belah pada ketika itu. Terdapat juga unsur satira agama yang diperlihatkan oleh pengarang kerana kepincangan institusi agama, dan pegangan agama dalam masyarakat disebabkan oleh pengaruh politik pada ketika itu. Pengarang juga telah memasukkan unsur satira sosial mengenai kepincangan masyarakat yang terdapat dalam novel *Sutan Baginda*. Kritikan mengenai masalah seks yang semakin berleluasa dalam kalangan pemimpin negara dan masyarakat turut diselitkan oleh pengarang dalam novel *Sutan Baginda* dan hal ini jelas menunjukkan bahawa novel ini mempunyai pelbagai unsur satira dalamnya dan selari dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji mengenai satira dalam novel *Sutan Baginda*.

Hoi Kok Wing (2000) juga telah mengkaji satira mengenai “Unsur Satira Novel Melayu 1990-an: *Shit* dan *Aligupit*”. Kajiannya memperihalkan mengenai satira yang dipaparkan oleh pengarang *Shit* iaitu Shanon Ahmad dan *Aligupit* iaitu Affandi Hassan yang kreatif dalam menghasilkan karya untuk menyampaikan isu dan kritikan terhadap sesebuah pihak mengenai situasi politik yang berlaku di tanah air pada ketika itu. Walaupun kedua novel ini telah menimbulkan kontroversi kerana tajuknya yang agak lucu, teruk dan mencarut, isu yang ingin disampaikan adalah mengenai realiti kekotoran yang sedang melanda pentadbiran politik dan masyarakat yang kian meruncing. Isu yang diangkat adalah mengenai satira politik berdasarkan ketidakpuasan hati masyarakat yang telah digambarkan oleh pengarang melalui jalan cerita yang penuh sindiran, cemuhan, kejian oleh pengarang kepada pihak yang ingin ditujukan olehnya.

Nik Ana Salwani Nik Raizan (2001) dalam latihan ilmiahnya telah mengkaji unsur satira yang bertajuk “Unsur satira dalam novel *Begawan* karya Arena Wati”. Dalam kajiannya, unsur satira yang diselitkan oleh pengarang telah dikaitkan dengan latar belakang dan pemikiran Arena Wati yang merupakan sasterawan negara. Unsur ini juga disiratkan melalui elemen kemanusiaan yang digarapkan oleh pengarang di dalam novelnya secara tidak langsung. Permasalahan dan persoalan masyarakat dari sudut politik, ekonomi dan sosial jelas diperlihatkan melalui kritikan dan sindiran yang terdapat dalam novel *Begawan*.

Umi Kalsom Khamsi (2010) juga telah menggunakan pendekatan satira dalam kajian latihan ilmiahnya yang berjudul “Satira: Satu perbincangan berdasarkan *Hikayat Sang Kanchil*”. Walaupun cerita binatang yang hanya dianggap sebagai jenaka semata-mata, tetapi dalam penceritaannya terdapat input yang ingin disampaikan kepada pembaca melalui elemen satira yang dimasukkan oleh pengarang. Umi Kalsom Khamsi telah mengkaji *Hikayat Sang Kanchil* daripada elemen sindiran, taksaan, kritikan dan unsur humor yang telah diselitkan oleh pengarang dalam cerita jenaka tersebut. Cerita binatang ini jelas memperlihatkan unsur satira politik, ekonomi dan sosial kerana watak binatang telah diberikan perwatakan sebagai seorang manusia seperti manusia yang berakal.

Sehubungan itu, penelitian berdasarkan kajian lepas secara tidak langsung telah memperbanyakkan lagi kajian yang menggunakan pendekatan satira. Pengkaji telah menggunakan pendekatan satira untuk memaparkan kritikan yang ingin disampaikan oleh penulis kepada masyarakat. Buku yang membincangkan pendekatan satira telah menghuraikan ciri-ciri satira dan membandingkan novel satira tempatan dengan negara yang setara untuk dibandingkan manakala latihan ilmiah pula dilihat mengkaji aspek ciri-ciri satira, sindiran politik, sindiran ekonomi dan sindiran sosial dalam sesebuah karya.

3. Metodologi Kajian

Kertas kerja ini adalah berbentuk penyelidikan kualitatif. Analisis kajian menggunakan bahan-bahan premier dan sekunder. Kaedah kajian yang dilakukan di dalam kajian ini adalah kajian keperpustakaan dengan meneliti bahan-bahan bacaan seperti, latihan ilmiah, tesis, jurnal, artikel, majalah dan juga kertas seminar berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Kajian keperpustakaan ini dilakukan adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat lengkap dan tambahan mengenai kajian yang dilakukan iaitu unsur satira yang terdapat dalam novel yang dikaji. Kajian yang dilakukan ini akan melibatkan beberapa perpustakaan seperti, Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, dan juga Perpustakaan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Pembacaan teliti turut dilakukan mengenai perkara yang berkaitan

dengan tajuk kajian dan teori yang telah dipilih untuk digunakan dalam analisis kajian. Novel *Embargo* digunakan sebagai bahan utama dalam kajian ini. *Embargo* dibaca dengan teliti dan kemudiannya ‘dibedah’ isi dengan teliti supaya dapat dianalisis menggunakan teori yang dipilih dengan baik. Temu bual secara tidak formal melalui aplikasi *Whatsaap* dan *e-mail* juga dilakukan dengan pengarang novel *Embargo* supaya data dapat diperoleh dengan tepat. Pandangan daripada penulis lain juga diperoleh melalui kaedah ini supaya mendapat data dengan lebih mengenai kepengarangan Zahari Affandi dalam dunia penulisan. Bagi mendapatkan jawapan kepada kajian pendekatan satira telah digunakan untuk menganalisis kajian.

Pendekatan yang digunakan di dalam kajian ini ialah pendekatan satira. Istilah satira daripada perkataan latin membawa maksud “penuh” dan juga boleh digambarkan sebagai “medley” iaitu membawa maksud “kepelbagaian”. Metafora telah membentuk sebagai “campuran” dan “kepelbagaian” yang menunjukkan pelbagai bentuk ataupun kesusasteraan yang terdiri daripada pelbagai ciri, genre, dan pelbagai wadah untuk menyampaikan sesuatu yang ingin disampaikan. Dalam pengertian lain, *satire* adalah suatu alat, wadah, cara yang dijadikan sebagai sumber dan bahan untuk membentuk pemikiran, gagasan, ideologi, falsafah dan sebagainya. (Fatimah Busu, 1992: 1). Sejarah penggunaan *satire* dapat dilihat menunjukkan wadah untuk mengkritik kehidupan sosial, moral, politik dan falsafah pada zaman sastera Greek dan Itali. Kritikan dilakukan menerusi dialog drama yang dipentaskan melalui sindiran dan keseluruhan drama yang dipentaskan membawa satu motif ataupun ideologi yang ingin diangkat pada masa itu. Istilah satira ini dilihat juga membawa maksud yang sama kepada diksi sindiran, ejekan, tempelakan, celaan, kiasan, cemuhan, kejian dan kesemuannya yang mengandungi unsur-unsur lucu yang terdapat sindiran tajam di dalamnya (Fatimah Busu, 1992: 2).

Satira juga merupakan karangan atau penulisan yang mempersenda atau menyindir orang dengan lain-lain atau merupakan karya sastera yang dimaksudkan untuk menimbulkan cemuhan, nista atau perasaan muak terhadap penyalahgunaan dan kebodohan manusia. Satira juga bertujuan untuk mencungkil penyelewengan dengan cara mencetuskan kemarahan dan ketawa bercampur dengan kecaman dan ketajaman fikiran. Pendekatan satira juga memperlihatkan pendekatan yang dijadikan sebagai medium untuk mengkritik sama ada kehidupan sosial, moral, politik dan falsafah yang berasal daripada zaman Greek dan Roman yang kemudiannya berlaku pada karya-karya moden (S. Othman Kelantan, 1997: 10). Pendekatan ini dilihatkan memancarkan sikap orang Melayu dari zaman dahulu merupakan seorang yang begitu berkias dan berlapis dalam memperkatakan sesuatu perkara. Mereka juga dilihatkan seboleh-bolehnya tidak memperkatakan secara terang-terangan jika tidak menyukai sesuatu perkara supaya tidak menjatuhkan aib dan maruah orang yang tidak disukainya itu. Satira dalam bidang penulisan juga dilihatkan telah ada di dalam novel sejak zaman awal penulisan novel untuk menyatakan ketidakpuasan hati masyarakat dalam pentadbiran khususnya pentadbiran British di tanah Melayu antaranya melalui novel *Anak Mat Lela Gila*, *Putera Gunung Tahan*. Sindiran yang terdapat di dalam novel tersebut jelas menunjukkan bahawa pada ketika itu, perasaa tidak puas hati, marah dan kecewa tidak dapat diluahkan secara terang-terangan kerana terdapat kekangan oleh pemerintah. Justeru itu, sindiran disisipkan oleh pengarang dalam penulisan sebagai wadah menyebarkan idea.

Sehubungan itu, jelaslah dapat dilihat bahawa pemikiran satira yang terdapat dalam novel merupakan karya kreatif yang mengandungi pemikiran tentang pelbagai ragam kehidupan manusia dan ditulis dengan cara yang halus, tajam secara sindiran, ejekan, sendaan yang boleh menimbulkan ketawa, kesedaran, keinsafan kepada masyarakat. Kesedaran mengenai

penyelewengan kuasa, kebodohan, ketamakan, kesombongan, salah faham, dan fikiran sesuatu golongan dalam sesuatu masyarakat, bangsa dan agama dapat dilakukan berdasarkan satira yang digunakan dalam penulisan. Selari dengan kajian analisis novel yang dijalankan iaitu unsur satira yang terdapat dalam novel *Embargo* dengan menggunakan pendekatan satira. Satira dilihatkan melalui cemuhan, tempelak, kritikan, kejian, sindiran pengarang iaitu Zahari Affandi terhadap sistem politik yang terdapat di dalam tanah air dengan menggunakan diksi yang begitu menyentak para pembaca. Satira yang terdapat dalam novel juga adalah untuk membuka pemikiran pembaca supaya lebih peka dan optimistik dalam apa jua perkara supaya dapat membela masa depan dan mengubah sesuatu perkara negatif yang telah dianggap sebagai tradisi turun-temurun kepada perkara yang lebih positif dan membangun.

4. Dapatan Dan Perbincangan

Kajian ini telah menggunakan pendekatan satira untuk menganalisis dapatan mengenai satira aspek politik dan sosio-budaya. Satira aspek politik mengandungi tiga aspek utama iaitu sindiran kepada pemimpin, sindiran kepada masyarakat dan sindiran kepada pemerintah. Satira mengenai aspek sosio-budaya pula terbahagi kepada dua aspek iaitu sindiran kepada masyarakat dan sindiran kepada golongan ulama. Aspek utama yang dititikberatkan dalam kertas kerja ini adalah seperti berikut;

4.1 Satira Politik

Istilah perkataan “politik” adalah berasal daripada perkataan Yunani kuno iaitu “polis” yang membawa maksud negara kota. Plato dan Aristotle kemudiannya telah memperkenalkan perkataan “politika” yang merupakan ilmu pengetahuan berhubung dengan perkataan “polis” itu. Istilah politik kemudiannya diperkembangkan dengan meluas selari dengan perkembangan dunia. Pada abad pertengahan, politik dilihatkan hanya berkisarkan mengenai pemerintahan institusi beraja dan sistem feudal. Pada abad ke-19, perkataan politik itu sendiri telah berkembang sebagai pengetahuan mengenai negara (Che Abdullah Che Ya, 2016:1).

Baha Zain (1982:3) menyatakan bahawa sememangnya terdapat hubungan di antara sastera dan politik iaitu penulis ataupun sasterawan seringkali menjadikan orang politik sebagai layar untuk menayangkan mimpi buruknya. Orang politik pula sebaliknya memperlihatkan orang sasterawan sebagai orang hanya bermimpi untuk mengisi ranting-ranting daripada kehidupan lain yang lebih utama. Hubungan antara sastera dan politik juga wujud kerana masalah yang sangat kompleks dan dapat dilihat daripada beberapa aspek. Sastera dan politik merupakan dua perkara yang saling berkait rapat dalam sejarah perkembangan kemasyarakatan dan kemanusiaan. Perkembangan yang berlaku dalam bidang politik akan mempengaruhi perkembangan yang berlaku dalam bidang sastera. Oleh sebab itu, sesebuah karya sastera sering mengutarakan persoalan mengenai latar belakang politik, pertentangan ideologi, perebutan kuasa, dan pergolakan parti politik di sesebuah negara (Wiratmo Soekito, 1982: 22).

Kritikan mengenai realiti politik tanah air telah diaplikasikan oleh pengarang dalam penulisannya dengan mengkritik, menyindir, menepelak, mengeji perbuatan yang tidak wajar dilakukan dalam bidang politik. Namun begitu, unsur satira khususnya satira mengenai politik ini tidak dilontarkan secara terang-terangan oleh pengarang dalam karyanya. Pembaca yang berfikiran meluas sahaja yang dapat memahami satira “politik” yang diselitkan oleh pengarang dalam usaha mengetengahkan pemikirannya dalam karya sastera

Sindiran Kepada Pemimpin

Sindiran yang ditujukan kepada pemimpin antaranya ialah mengenai gejala rasuah. Rasuah membawa maksud sogokan barang yang bernilai untuk memperoleh sesuatu perkara dengan cara yang mudah dan cepat. Gejala rasuah yang berleluasa sering berlaku dalam masyarakat hingga sukar dibendung dan dikenalpasti dalam pelbagai sektor sama ada kerajaan mahupun swasta. Politik seringkali dikaitkan dengan rasuah yang sering berlaku pada musim pilihan raya. Pengarang telah menyindir segelintir pemimpin yang sanggup memberi rasuah kepada orang awam supaya memilih diri mereka sebagai wakil rakyat. Masyarakat pula dilibatkan buta hati dan rendah moral kerana sanggup memilih calon berdasarkan duit ataupun rasuah yang telah ditabur ke atas mereka. Rasuah yang dilakukan oleh segelintir pemimpin untuk memperoleh undian daripada rakyat. Pengarang jelas menyindir golongan politik yang menyogok wang atau memberi rasuah kepada masyarakat untuk memperoleh undian yang banyak untuk menyandang jawatan dalam pentadbiran negara sama ada di peringkat bawah sekali sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) ataupun wakil parlimen. YB dilibatkan oleh pengarang merupakan seorang YB yang sangat benci terhadap rasuah yang berlaku dalam pilihan raya. Rakyat pula kelihatan rela dan mengundi wakil rakyat di kawasan mereka melalui sogokan wang. Seharusnya pemerintahan walaupun daripada peringkat kecil, hendaklah memilih pemimpin yang baik akhlaknya dan telus supaya pentadbiran dipimpin dengan penuh tanggungjawab dan beretika. Namun begitu, pemimpin yang melakukan kesalahan seperti memberi dan menerima rasuah ini masih tidak dapat dibendung kerana ketiadaan kesedaran walaupun undang-undang terhadap jenayah rasuah telah pun dikuatkuasakan. Sesungguhnya gejala rasuah ini sangat dimurkai oleh Allah S.W.T.

Terdapat juga sindiran yang ditujukan kepada pemimpin dalam karya Zahari Affandi seperti pemimpin tidak adil dalam menjalankan tugasnya. Pemimpin yang tidak adil juga ditemplak oleh Zahari Affandi dalam karyanya ini. Terdapat pemimpin yang tidak adil dalam realiti masyarakat semasa melakukan pembahagian tugas terhadap pekerja bawahannya. Terdapat juga pemimpin yang memberikan jawatan kepada orang yang tidak layak seperti tidak mempunyai kriteria yang telah ditetapkan untuk membolehkan dia dipilih oleh orang atasan. Golongan yang tidak layak diberikan jawatan tetapi masih mendapat jawatan kerana mereka itu merupakan kenalan lama dengan pemimpin tersebut. Hal ini secara tidak langsung telah menggambarkan golongan tersebut bukannya seorang pemimpin yang adil daripada segi aspek tanggungjawab dan ketelusan memberi jawatan. Ketidakadilan pemimpin tergambar apabila mereka sewenang-wenangnya memberikan jawatan kepada mereka yang tidak layak untuk memegang jawatan. YB dipilih oleh rakyat berdasarkan undian kepercayaan untuk memegang jawatan. Namun begitu, terdapat segelintir pihak yang mendapat jawatan mereka dengan mudah tanpa dipilih oleh rakyat dengan terus dilantik oleh ketua mereka dengan terus menjadi menteri. Perkara sedemikian sememangnya tidak adil bagi pemimpin dalam kalangan ahli politik yang betungkus lumus bekerja seperti YB Alang Bahadur. Beliau gigih berkempen secara telus dan peringkat demi peringkat bukan untuk kepentingan diri sendiri tetapi untuk kepentingan rakyat. Kepayahan dan keperitan YB dilibatkan langsung tidak dipandang oleh ketuanya tetapi, mereka yang tidak menyumbang tenaga akan dinaikkan jawatan kepada menteri. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan terdapat juga segelintir pemerintah yang tidak adil dalam pembahagian tugas di peringkat pentadbiran negara. Pemimpin seharusnya bertindak adil kepada golongan bawahan mereka tidak kira status dan hubungan.

Sindiran kepada masyarakat

Sindiran terhadap masyarakat turut dipaparkan oleh pengarang dalam karya *Embargo*. Masyarakat disindir melalui perbuatan yang suka dijadikan sebagai orang suruhan politik demi mendapat kemewahan dengan cara yang mudah. Golongan sebegini telah disindir oleh pengarang dengan menggunakan perkataan “macai” dan “pencacai” parti politik. Golongan sebegini hanya tahu bercakap manis depan pemimpin politik dan bertindak menyebarkan fitnah mengenai parti lawan dan mengharapkan wang sebagai balasan. Golongan tersebut juga rela memutarbelitkan situasi politik kepada masyarakat umum berbanding menceritakan perkara sebenar kepada masyarakat demi kepentingan “perut” mereka sendiri. Golongan sebegini menjadi “orang suruhan” demi menjaga kepentingan diri sendiri. Golongan sebegini tidak menghiraukan keadaan negara dan akibat yang akan mereka tanggung kelak. Mereka sebaliknya terus melakukan segala aktiviti penyebaran fitnah yang berkaitan pemimpin tersebut tanpa rasa bersalah dan golongan tersebut juga tidak memikirkan situasi politik di tanah air. Perkara dominan yang difikirkan oleh golongan sedemikian hanyalah keuntungan peribadi melalui penambahan wang dalam akaun dan mengekalkan kuasa yang dimiliki oleh mereka. “Pencacai” yang selalunya merupakan pemimpin dalam kalangan ahli politik pula bertugas memberi kerja kepada “macai” tersebut supaya agenda dalam politik untuk menjatuhkan pihak lawan yang berlainan parti tercapai. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa terdapatnya orang suruhan politik dalam masyarakat di negara ini dan mereka hanya membiarkan masyarakat berpecah belah dengan menyebarkan fitnah. Pihak yang berwajib seharusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap “pencacai” dan “macai” yang berleluasa di luar sana supaya keadaan politik negara stabil dan rakyat tidak huru hara dengan fitnah yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, terdapat juga sindiran yang ditujukan oleh pengarang kepada masyarakat mengenai masyarakat yang sering “bermuka-muka” ataupun lebih dikenali sebagai seorang munafik dalam kehidupan bermasyarakat. Golongan yang bermuka-muka ini amat sukar untuk dikenalpasti sifatnya kerana sinonim dengan golongan munafik. Hal ini juga telah ditempelak oleh pengarang dalam *Embargo* mengenai sikap masyarakat yang munafik dalam menjalankan tugas atau tanggungjawab mereka. Golongan “talam dua muka” sebegini juga dapat dilihat pada pembantu atau pekerja dan yang berkaitan dengan hal parti politik. Hal ini demikian dapat dilihat pada pembantu YB Alang Bahadur yang digambarkan oleh pengarang yang sering memburukkan YB di hadapan individu lain. Pembantunya iaitu Kamal Intelek dilihatkan sentiasa dengan berkata-kata manis dan sopan semasa berhadapan dengan bosnya iaitu YB Alang Bahadur. Semasa ketiadaan YB, Kamal Intelek akan mengutuk, mengeji dan menghina bosnya yang memberikan melayannya dengan baik dan memberi pekerjaan kepadanya. Tindakan Kamal Intelek ini jelas menunjukkan dia merupakan pekerja yang bermuka-muka dan melakukan sesuatu perkara hanya untuk kepentingan diri sendiri. Masyarakat kini dilihatkan gemar “bermuka-muka” demi memenuhi kepentingan peribadi mereka. Masyarakat sanggup menghina, mencaci, mengumpat majikan yang memberikan rezeki dengan memberi mereka pekerjaan demi mencapai matlamat kehidupan mereka. Golongan sebegini sering menzahirkan sesuatu perkara yang tidak sama dalam hati mereka sendiri. Sesungguhnya, pemimpin dan masyarakat harus berhati-hati dengan golongan bermuka-muka. Hal ini demikian kerana, perbuatan “bermuka-muka”, akan menyebabkan timbulnya unsur khianat kepada ketua dan masyarakat yang akhirnya akan mengancam sistem pentadbiran dalam negara. Perbuatannya ini akan memberi kesan buruk juga kepada pentadbiran kerana dikuatiri individu ataupun masyarakat sebegini akan

menceritakan perihal peribadi ketua mahupun rahsia kerajaan kepada anasir luar yang akhirnya merosakkan bangsa dan negara.

Sindiran kepada pemerintah

Pengarang turut menyindir sistem pemerintahan dalam negara secara tidak langsung dalam karyanya. Pemerintah merupakan badan atau institusi kerajaan yang memegang jawatan dalam tampuk pemerintahan negara. Kecekapan sesebuah pemerintahan melambangkan negara tersebut maju dan membangun di mata negara lain. Kecekapan pemerintahan juga dilihat daripada individu yang mentadbir negara tersebut. Pemerintah yang tidak efisien secara tidak langsung menggambarkan sistem politik negara yang tidak efisien kepada orang luar. Pengarang dengan jelas telah menyindir sebahagian pemerintah yang tidak cekap dalam melaksanakan tugas mereka. Ketidakekapan ini bukan sahaja memberi kesan kepada sistem pentadbiran yang lemah namun memberi kesan kepada kemasukan pelabur luar ke dalam negara untuk melabur ke dalam negara. Pemerintah yang suka menangguhkan perkara penting dan tidak mengambil serius dalam sesuatu perkara khususnya dalam perundangan negara telah memperlihatkan pemerintah negara ini tidak cekap dalam menjalankan pentadbiran. Seharusnya badan perundangan menyiasat perkara yang berkaitan dengan jenayah yang popular itu misalnya kes yang ditangguh berkali-kali itu dengan penuh teliti dan menyelesaikannya dengan lebih cekap. Ketidakekapan pemerintah semasa meneliti perbicaraan sehingga berulang.

Jelas dapat dilihat bahawa ketidakekapan pemerintahan telah menyebabkan sesuatu kes mahkamah mengenai jenayah itu perlu dirujuk berulang kali. Undang-undang negara tidak bersalah dalam hal ini sebaliknya pemerintah yang bertanggungjawab melaksanakannya mengikut ketetapan undang-undang. Pemerintah yang cekap seharusnya menjatuhkan hukuman sesuatu kes jenayah dengan berdasarkan undang-undang negara tanpa perlu di tunda ataupun melengah-lengahkan hukuman tersebut. Penundaan kes jenayah yang begitu banyak hanya akan menarik perhatian orang awam dan akan tersebar kepada berita di luar negara. Kes jenayah popular yang sering menarik perhatian umum antaranya ialah kes liwat yang melibatkan bekas timbalan perdana menteri iaitu Anuar Ibrahim. Kes ini mengambil masa bertahun-tahun kerana sering ditangguh-tangguhkan sehingga menjadi isu yang hangat diperkatakan dalam dan luar negara. Hal ini demikian secara tidak langsung telah menunjukkan Malaysia merupakan negara yang tidak cekap yang tergambar melalui ketidakekapan sistem pentadbiran negara. Oleh yang demikian, pemerintah seharusnya meneliti dengan penuh teliti supaya kes jenayah yang boleh diselesaikan iu tidak perlu ditunda lagi. Penundaan kes ini hanya akan melengah-lengahkan masa dan secara tidak langsung menunjukkan pentadbiran tidak efisien di mata rakyat.

Pengarang juga mengkritik secara halus mengenai sistem pemerintahan melalui penggunaan dasar bahasa Inggeris dalam pelbagai aspek. Hal ini demikian kerana bahasa Inggeris telah diangkat dan disanjung tinggi oleh masyarakat dalam pelbagai perkara. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda dilihat semakin menyepi dan tidak dihiraukan lagi oleh masyarakat dan pemerintah. Terdapat segelintir pihak telah menyalahkan dasar kerajaan ini dengan mengutamakan karya-karya dan perbualan mahupun pekerjaan dengan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Bahasa Melayu dipandang sepi dalam masyarakat dan jika mereka menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian mereka, perkara itu secara tidak langsung akan menunjukkan mereka adalah golongan tidak berilmu dan "*low class*". Perkara ini telah diangkat oleh pengarang dan disindir dengan jelas dalam *Embargo* mengenai dasar kerajaan yang memperkukuhkan bahasa Inggeris. Sindiran ini ditujukan kepada masyarakat yang

mentalitinya terlalu kolot yang sentiasa beranggapan bahasa Inggeris lebih hebat daripada bahasa Melayu.

Zahari Affandi memperlihatkan dalam karyanya bahawa penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam pelbagai sektor mahupun kerajaan ataupun swasta diterima baik oleh masyarakat. Namun begitu, dilihatkan bahawa masyarakat begitu menyanjung tinggi bahasa Inggeris dan menganggap mereka akan maju sekiranya bahasa Inggeris digunakan dalam pelbagai perkara. Masyarakat yang berkebolehan berbahasa Inggeris dengan lancar akan dipandang tinggi walaupun ilmu di dada tidak setebal yang disangka sedangkan masyarakat yang tidak mempunyai kebolehan berbahasa Inggeris akan dipandang rendah walaupun mereka dalam kategori masyarakat yang berpelajaran tinggi. Masyarakat seharusnya membuang rasa bangga terhadap bahasa asing dan mempercayai bahawa bahasa Melayu suatu masa akan digunakan secara meluas seperti bahasa Jepun, Korea, Perancis, Rusia dan bahasa-bahasa yang telah digunakan secara meluas. Hal ini dapat dilihat apabila Bahasa Melayu digunakan secara meluas oleh warga asing dan dapat diangkat melalui penglibatan mereka dalam pidato.

Pelbagai pihak perlulah mempercayai dan yakin bahawa bahasa Melayu milik bangsa Melayu ini sendiri dapat mengangkat masyarakat untuk berjaya sehingga ke persada dunia. Masyarakat juga perlu menukar pemikiran stereotaip mengenai kebijaksanaan dan kejayaan seseorang itu adalah diukur berdasarkan kebolehan dan kefasihan bertutur dalam bahasa Inggeris. Pemerintah juga hendaklah menunjukkan kesedaran kepentingan menjaga bahasa Melayu melalui program dan kempen kesedaran cinta bahasa kepada masyarakat. Pemerintah juga perlu meyakinkan rakyat bahawa penggunaan bahasa Melayu bukan pengukur kemajuan seseorang itu. Sebaliknya mereka boleh maju tanpa bahasa Inggeris jika berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang yang mereka ceburi.

4.2 Satira Sosio-Budaya

Sosio-budaya merupakan penafsiran hubungan masyarakat dengan budaya yang berlaku dalam kehidupan mereka. Sosio-budaya membawa pengertian amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan untuk pembangunan sosial kehidupan masyarakat berkenaan. Pada umumnya kebudayaan dalam bahasa Inggeris disebut '*culture*' yang berasal daripada bahasa Latin iaitu '*cultura*'. Dalam bahasa Mandarin disebut sebagai 'Wen Hua' dan dalam bahasa Arab disebut sebagai 'Thaqafah'. Perkataan budaya adalah berasal daripada gabungan budi dan daya. 'Bu' membawa maksud asli, pertama, sejati dan dipandang sempurna, menyempurnakan dan memuliakan. 'Daya' mengandungi erti akal, jalan fikiran, ciptaan atau buatan dan segalanya (Rohana Yusof, 2006: 75).

Terdapat satira mengenai sosio-budaya yang telah digambarkan oleh pengarang dalam penulisannya. Dalam novel ini telah menggambarkan terdapat masyarakat dan golongan ulama yang hidup dalam masyarakat tetapi tidak mengikuti panduan dan etika yang berlandaskan hukum syarak. Satira yang terdapat di dalam novel ini adalah untuk menyatakan ketidakpuasan hati oleh masyarakat yang diketengahkan oleh pengarang. Sesungguhnya unsur-unsur yang dimasukkan adalah untuk menyindir golongan sedemikian secara tidak langsung supaya kesalahan mereka dapat diperbaiki ke arah yang lebih baik.

4.2.1 Sindiran kepada masyarakat

Masyarakat disindir melalui perbuatan yang mereka lakukan berkaitan cara mereka hidup dalam sistem komuniti atau bermasyarakat. Sindiran dilakukan untuk membangkang dan menegur

secara halus ataupun tidak secara langsung kepada mereka yang melakukan perkara yang menyalahi dan menindas masyarakat lain. Pengarang telah menyindir golongan masyarakat kini yang tidak mahu mempunyai pengetahuan ilmu yang meluas dengan cara membaca buku dan sebagainya. Masyarakat dilihatan langsung tidak mengetahui dan tidak mahu mengetahui mengenai isu semasa yang berlaku dalam negara. Pengarang menyindir masyarakat tersebut melalui situasi Sophia seorang gadis warganegara Iran yang berkawan dengan salah seorang anak YB Alang Bahadur dilihatan lebih mengetahui isu semasa dari aspek situasi politik, ekonomi dan sosial lebih daripada anak YB itu sendiri. Hal ini demikian jelas menggambarkan segelintir masyarakat yang tidak mengambil kisah perkara yang berlaku dalam negara kerana leka dengan teknologi yang melalaikan mereka. Sophia sebaliknya lebih mengetahui situasi politik di Malaysia walhal Sophia bukannya rakyat Malaysia. Ilmu sangat dituntut dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana ketiadaan ilmu pengetahuan yang meluas akan menyebabkan masyarakat itu senang diperbodohkan dan dipermainkan oleh pihak yang lain. Masa juga hanya akan terbuang dan negara akan juga akan mendapat tempiasnya. Secara tidak langsung perkara ini akan menggambarkan rakyat di negara ini merupakan rakyat yang malas, tidak mahu belajar dan malas memikirkan sesuatu perkara lebih kritis. Agama Islam juga menuntut penganutnya menuntut ilmu pengetahuan untuk tujuan kepentingan di dunia serta di akhirat.

Keruntuhan akhlak dalam masyarakat yang semakin meruncing turut disindir oleh pengarang dalam karyanya. Kesibukan mengejar kemajuan sehingga melupakan perkara utama untuk membentuk masyarakat yang berakhlak mulia seiring dengan kemajuan negara. Kebejatan akhlak dilihatan semakin meruncing dalam kalangan masyarakat misalnya pembuangan bayi, mencuri, merompak, menderhaka kepada ibu bapa dan guru, transgender dan pelbagai lagi. Perkara ini perlu difikirkan dan tindakan perlu diambil supaya dapat membendung daripada berakar umbi dalam minda dan akhlak masyarakat. Keruntuhan akhlak dalam masyarakat telah ditempelak oleh pengarang dalam novel ini. Masyarakat digambarkan oleh Zahari Affandi dalam *Embargo* semakin mengejar kekayaan dunia sehingga sanggup meninggalkan ibu bapa mereka di rumah orang tua-tua. Mereka sanggup melakukan sedemikian tanpa memikirkan jasa dan pengorbanan yang telah ibu bapa mereka lakukan terhadap mereka. Terdapat juga segelintir masyarakat menjadikan ibu bapa mereka sebagai hamba abdi untuk membersihkan rumah mereka, menjadi pengasuh untuk menjaga anak mereka. Kebanyakan penghuni rumah orang tua-tua kini adalah terdiri daripada masyarakat Melayu. Anak-anak sanggup membuang ibu dan bapa sendiri untuk mengejar kekayaan dunia dan merasakan ibu bapa hanya membebankan mereka kerana perlu menjaga siang dan malam lebih-lebih lagi jika ibu bapa mereka itu uzur. Golongan sedemikian merasakan langkah mereka untuk bergerak ke mana sahaja dan untuk mengaut kakayaan di dunia tersekat kerana komitmen mereka kepada ibu bapa yang sudah tua dan uzur. Sepatutnya mereka sedar bahawa tanpa ibu dan bapa mereka tidak akan lahir di dunia ini. Ibu bapa telah mengajar mereka dari kosong sehinggalah berjaya di dalam kehidupan mereka. Namun begitu, terdapat golongan yang mudah lupa akan jasa ibu bapa mereka dengan dikaburi oleh kekayaan, kemewahan dan kemasyuran di dunia. Menderhaka terhadap ibu bapa merupakan salah satu dosa besar dalam agama Islam seperti yang telah dinyatakan dalam Al-Quran al-kareem.

Sindiran kepada golongan ulama

Golongan ahli ulama dan individu yang berpengetahuan dalam agama yang terdapat dalam novel *Embargo*. Golongan ini disindir melalui perbuatan yang mereka lakukan berkaitan cara mereka

hidup dalam sistem komuniti atau bermasyarakat yang dilihatkan sangat menyempang daripada ajaran agama Islam. Penyelewengan ilmu agama dilihatkan semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat yang beragama Islam. Pengarang telah menyindir golongan yang menyeleweng ilmu agama demi menarik pengikut parti politik mereka. Penyelewengan yang berlaku begitu menggusarkan pelbagai pihak khususnya para ulama yang begitu berpegang pada ajaran Sunni Islam. Golongan yang menyeleweng ilmu agama demi kepentingan peribadi disindir secara lantang oleh pengarang dalam novelnya ini. Hal ini demikian dapat dilihat apabila parti Melayu yang dikatakan meletakkan Islam sebagai asas perjuangan parti mereka tetapi itu hanyalah propaganda untuk menarik masyarakat untuk memberikan sokongan terhadap parti tersebut. Masyarakat beragama Islam dilihatkan akan lebih tertarik dan mempercayai parti yang memperjuangkan ajaran Islam. Golongan ulama yang terlibat dalam parti yang kononnya memperjuangkan Islam dilihatkan hanya diam membisu. Kebisuan para ulama lagi menggalakkan individu yang menggunakan agama untuk masyarakat ramai mengikuti parti mereka lebih ramai lagi. Islam hanya pada nama dan hakikatnya tidak diikuti oleh mereka.

Perjuangan yang dikatakan menurut Islam tidak ditunaikan sebaliknya hanya mengeruhkan keadaan di negara. Masyarakat dilihatkan seakan percaya dengan niat golongan sedemikian yang meletakkan Islam sebagai agenda utama parti tersebut digerakkan oleh mereka. Golongan sedemikian hendaklah mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam sebelum mengeluarkan fatwa-fatwa tanpa memeriksa kesahihan fakta tersebut. Perjuangan Islam seharusnya diperjuangkan dengan sebetulnya dengan mengikut berpandukan Al- Quran dan hadis. Golongan ulama yang diketahui begitu bijak dalam ilmu agama seharusnya memperjuangkan Islam dengan matlamat yang sebenar yang pasti. Golongan ulama ini tidak patut mempermainkan masyarakat dengan penyelewengan ilmu mengenai agama dan seharusnya lebih peka dan menegur perbuatan masyarakat yang menyalahi hukum Allah yang telah diselewengkan oleh segelintir masyarakat yang dilihatkan “pakar” mengenai ilmu agama. Golongan ulama juga seharusnya menyedarkan masyarakat bahawa menghina, mencaci, memaki sesama insan merupakan kesalahan yang tidak patut masyarakat lakukan. Golongan ulama seharusnya menyebarkan ilmu, hukum dan fatwa yang betul kepada masyarakat bukan hanya mendiamkan diri dan mengaut kepentingan peribadi sendiri

Selain itu, Zahari Affandi juga telah mengkritik golongan yang menggunakan nama “Islam” untuk menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Pengarang telah menyindir dengan lantang mengenai isu fahaman yang bertentangan dengan agama Islam seperti fahaman “liberalisme” dan “pluralisme” ini. Pengarang merasakan fahaman ini tidak boleh terus dibiarkan kerana masyarakat akan mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah songsang ini. Ini kerana sejarah penyebaran ajaran sesat dinegara ini sudah mampu untuk membuktikan bahawa umat islam dinegara ini begitu mudah untuk menerima dan berpegang teguh dengan fahaman songsang. Zulfakar dilihatkan begitu aktif memperjuangkan fahaman yang disanjungnya iaitu Liberalisme dan Pluralisme dalam parti politik. Fahaman sebegini telah dipelajari olehnya melalui buku-buku pembacaannya mengenai pelbagai fahaman. Zulfakar dilihatkan lebih aktif apabila melanjutkan pelajaran ke London dan terlibat dalam pelbagai kelab, persatuan dan aktiviti yang berkaitan dengan fahaman sedemikian. Zulfakar menggunakan “Islam” itu untuk mencari pengikut fahamannya daripada golongan elit dan bekerja kerana mereka dilihatkan mudah terpengaruh dengan fahaman yang baru. Hal ini disebabkan oleh golongan elit dan professional dilihatkan lebih mengejar dengan kemodenan dan beranggapan ajaran Islam ini hanya kolot dan ketinggalan zaman.

Zulfakar menyebarkan fahaman yang mengubah segalanya menggunakan konsep akal dan logik serta agama semua di dunia ini adalah sama dan akan bertemu di syurga kelak. Zulfakar juga dilihat cuba untuk mendapatkan kuasa supaya idealoginya dapat diperluaskan dengan lebih mudah apabila dapat memegang jawatan tertinggi dalam parti politik kelak. Hal ini demikian patut dipandang serius oleh golongan ulama yang sentiasa bersangka baik terhadap golongan muda kini. Golongan yang berfahaman sebegini dilihat semakin menular dalam kalangan masyarakat dan perlu dipandang serius oleh semua pihak. Mereka dilihat sudah berani mempersoalkan hukum Allah dan memikirkan kesemua agama dalam dunia adalah sama serta merasakan kesemua masalah dapat diatasi dengan menggunakan logik akal. Al-Quran dan hadis diketepikan oleh mereka dalam semua aspek dan menolak pelaksanaan tuntutan syariat. Liberalisme menolak akidah Islam untuk melaksanakan hukum Allah dan Rasul-Nya sebagai petunjuk kebenaran.

5. Rumusan

Novel *Embargo* karya Zahari Affandi boleh dikategorikan sebagai sebuah novel satira. Teknik ini telah digunakan oleh pengarang dalam mengajukan persoalan dan pandangan baru terhadap kehidupan masyarakat. Terdapat pelbagai unsur satira yang telah diaplikasi oleh pengarang untuk menegur ketidakpuasan hati mengenai ketidakadilan segelintir pemimpin dan masalah kehidupan sosial dalam masyarakat semakin meruncing. Pengarang berasa masalah itu perlu dicegah daripada semakin parah jika tidak dikawal sebaiknya. Satira yang digunakan oleh pengarang secara tidak langsung menunjukkan kreativiti dan kehalusan beliau yang telah dipamerkan di dalam penulisannya untuk renungan khalayak pembaca. Terdapat beberapa unsur satira yang telah diketengahkan oleh pengarang dalam aspek sosio-politik dan sosio-budaya yang dinyatakan oleh pengarang adalah untuk memperkatakan realiti kini yang berlaku dalam masyarakat juga negara. Kritikan ini juga adalah untuk menyuarakan ketidakpuasan hati masyarakat mengenai sistem pemerintahan dalam negara ini. Pemimpin hendaklah kembali semula kepada tujuan asal mereka dilantik dan dipilih oleh rakyat sebagai pemimpin. Bertaqwa dan mengabdikan diri kepada maha pencipta akan menyebabkan mereka insaf dan menyedarkan diri mereka mengenai tugas sebagai seorang khalifah Allah di dunia ini serta mengesakan diri kepada-Nya. Istiqamah dalam melakukan perbuatan baik akan dapat mengelakkan diri daripada melakukan kejam dan perkara yang dapat mengundang dosa terhadap diri sendiri, masyarakat dan negara. Bagi aspek sosio-budaya pula, masyarakat dikritik supaya masyarakat akan mengubah perbuatan ataupun amalan mereka yang bertentangan dengan norma masyarakat ke arah yang lebih baik. Masyarakat perlu bersatu padu supaya kehidupan mereka lebih harmoni, teratur dan sentiasa dalam keadaan yang lebih tenang dan selesa. Mendekatkan diri kepada Allah S.W.T akan dapat membantu mereka yang telah terpesong daripada ajaran-Nya akan insaf dan taubat. Merenung kebesaran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada hamba-Nya dan muhasabah diri secara tidak langsung akan dapat mengelakkan masyarakat berlaku kejam ataupun menindas masyarakat lain dalam kehidupan mereka.

Konklusinya, jelaslah dapat dilihat bahawa pengarang berjaya memaparkan unsur-unsur satira dalam penulisannya ini. Cara penyampaian satira dapat dilihat melalui ejekan, sindiran, cemuhan, kritikan, tempelakan, kecaman dan sebagainya. Kesemua unsur satira yang dipamerkan oleh pengarang adalah bertujuan untuk memperbaiki sistem pemerintahan iaitu politik dan sistem masyarakat iaitu budaya diperbaiki dengan lebih baik. Pembaikan ini adalah untuk kepentingan kesejahteraan dalam sistem pentadbiran dan sistem sosial masyarakat. Pemimpin

dan masyarakat perlu sedar bahawa mereka saling memerlukan di antara satu sama lain dalam kehidupan ini. Pemimpin tidak akan lengkap sebagai seorang pemerintahan sekiranya tiada rakyat yang bernaung di bawah kerajaannya. Begitu juga dengan rakyat yang tidak akan lengkap jika tiadanya ketua yang mengetuai kerajaan mereka. Pemimpin haruslah berjiwa rakyat, adil dalam menjalankan tugas, amanah, bertanggungjawab dan semua ciri beretika dan bermoral perlu dimiliki oleh seorang pemimpin. Masyarakat juga perlu mempunyai nilai moral yang baik supaya hubungan dengan pemerintah baik dan masyarakat sekeliling sentiasa baik. Mereka juga perlu mempunyai nilai sosial yang baik supaya dapat membentuk akhlak yang baik dan sekaligus dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang baik. Persekitaran yang baik akan melahirkan generasi yang bermoral dan akan sentiasa memegang tradisi nilai sosial yang positif tersebut. Satira yang dipaparkan oleh pengarang jelas bertujuan untuk menyeru pelbagai pihak memperbaiki kelemahan diri mereka supaya perkara negatif yang bertentangan dengan hukum tuhan dan norma manusia dapat diubah menjadi lebih baik.

Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail, Abdull Rahman Mahmood & Mudasir Rosder. (2013). *Pemikiran Akidah Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baha Zain. (1982). Perhubungan Pahit Manis antara Politik dan Sastera. *Dewan Sastera*. Ogos: 3.
- Che Abdullah Che Ya. (2016). *Novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Ma'as. (1998). Cerpen-cerpen Fatimah Busu Satu Kajian Unsur Satira. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Busu. (1992). *Ciri-ciri Satira dalam Novel Melayu dan Afrika Moden: Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Busu. (1993). *Ciri-ciri Satira dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Samat. (1985). Kritikan Melalui Sindiran: Satu Kajian Persoalan Berdasarkan Novel-novel Pilihan. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goh, Lee Ping. (2000). Unsur-unsur Satira dalam novel *Sutan Baginda*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haslinda Mamat. (2003). Unsur Satira dalam Cerita Rakyat. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hoi, Kok Wing. (2000). Kajian Unsur Satira Novel Melayu 1990-an: *Shit dan Aligupit*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Ana Salwani Nik Raizan. (2001). Unsur Satira dalam Novel *Begawan Karya Arena Wati*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Yusof. (2006). *Asas Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosliza Che Hussin. (1996). Satira dalam Drama Melayu Moden. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Othman Kelantan. (1997). *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umi Khalsom Khamsi. (2010). Satira: Satu Perbincangan Berdasarkan Hikayat Sang Khancil. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wiratmo Soeketo. (1986). Sastera dan Politik. *Horizon*. Julai : 27-29.

- Wiratmo Soeketo. (1991). Renungan tentang Kesusasteraan Masyarakat dan Zamannya.
Horizon. Februari: 41-42.
- Zahari Affandi. (2015). *Embargo*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.